

29/09/1997

Rakyat Cuba tidak daif: Dr M

Manja Ismail in Havana

HAVANA, Ahad - Tanggapan umum kononnya Cuba sebuah negara mundur dengan semua rakyatnya miskin, tidak ada pekerjaan dan hanya mempunyai kereta buatan 1950-an adalah salah.

Itulah kesimpulan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas menamatkan lawatan rasmi pertamanya selama empat hari ke negara komunis ini, pagi ini.

"Kita dapati laporan ini tak tepat sebenarnya. Mereka ini walaupun daif tapi tak seburuk seperti digambarkan. Mereka juga memberi tumpuan kepada sektor tertentu termasuk penyelidikan dalam bidang perubatan. Malah kejuruteraan genetiknya begitu canggih sekali.

"Ini mengagum dan menghairankan kita. Sebenarnya pencapaian mereka begitu baik sekali. Saya dapati mereka juga peramah dan baik, amat gembira dengan lawatan kita dan ingin adakan hubungan baik dengan Malaysia.

"Kita boleh belajar daripada mereka dalam bidang tertentu. Mereka bersetuju supaya ada kerjasama dengan kita dalam bidang yang mereka punyai kepakaran dan lebih maju daripada kita," kata Perdana Menteri pada sidang akhbar petang semalam.

Selain menemui Castro termasuk satu lagi pertemuan di luar atur cara asal lawatan malam tadi, Dr Mahathir turut melawat beberapa institusi penyelidikan perubatan di sini. Pagi semalam Perdana Menteri bersama rombongan terbang ke Veladero, bandar pelancongan pantai yang terkenal di rantau ini.

Walaupun kebanyakan kereta di sini keluaran 1950-an dan buatan Russia, kehidupan rakyatnya dan keadaan Havana tidak seteruk negara bekas komunis lain. Malah pencapaiannya dalam bidang sains menyaingi negara maju.

Pusat Kejuruteraan Genetik (CIGB) yang dikunjungi Perdana Menteri kelmarin misalnya menghasilkan interferon yang digunakan dalam merawat denggi dan wabak tropika lain. Malah, Cuba sudah lama diisytiharkan bebas daripada denggi dan malaria walaupun iklimnya sama dengan Malaysia.

Institut Pedro Komri yang ditubuhkan pada 1937 pula, terkenal kerana kejayaannya membendung serangan HIV/Aids di Cuba. Sejak 1980 hingga sekarang, hanya 1,742 orang daripada lebih 11 juta rakyat Cuba disahkan menghidap Aids dengan 461 kematian. Pusat ini juga mempunyai kelengkapan untuk mengesan sebarang penyakit di seluruh negara ini dalam tempoh 24 jam pesakit dimasukkan ke hospital.

Perdana Menteri berkata, Malaysia boleh mendapatkan kepakaran Cuba dalam mengatasi masalah denggi.

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri berkata Barat menjadi punca kemunduran negara komunis kerana merekalah yang mencipta ideologi itu, bukannya pemimpin di negara itu.

Dengan menyebut pengasas fahaman komunis, Karl Marx bukannya rakyat Russia sebaliknya dari Eropah, Perdana Menteri berkata, banyak negara di Asia dan Afrika mundur selepas berpuluh tahun menganut ideologi ciptaan orang-orang Barat.

Sehubungan itu, katanya, dakwaan Barat bahawa konsep demokrasi yang mereka amalkan sekarang adalah sistem terbaik bagi sesebuah negara boleh dipersoalkan.

"Kita berpendapat konsep demokrasi mereka salah seperti kebebasan mutlak kepada individu. Begitu juga dalam bidang perdagangan yang kebebasannya sehingga kepada tahap 300 juta manusia menderita. Bagi mereka, perdagangan bebas mesti diterima oleh semua negara. Mereka mungkin salah," katanya.

(END)